



## **JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

### **TEKS KHUTBAH**

**Tajuk:**

**PERTOLONGAN YANG DINANTI**

**Tarikh Dibaca:**

**26 RABIULAKHIR 1445H /  
10 NOVEMBER 2023**

**Disediakan oleh:**

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**



جَامِعَةِ إِسْلَامِ مَالَيْسِيَا  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

## PERTOLONGAN YANG DINANTI

10 NOVEMBER 2023 / 26 RABIULAKHIR 1445H

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ :

أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلَن تَرْضَى عَنِّكَ أُلْيَهُودُ وَلَا أُلْتَصَارَى حَتَّى تَتَّبِعَ مِلَّتَهُمْ قُلْ إِنَّ هُدَى اللّٰهِ هُوَ الْهُدَىٰ وَلَئِنْ

اتَّبَعْتَ أَهْوَاءَهُمْ بَعْدَ الَّذِي جَاءَكَ مِنَ الْعِلْمِ مَا لَكَ مِنَ اللّٰهِ مِنْ وَلِيٍّ وَلَا نَصِيرٍ ۝ (سورة

البقرة)

أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، اللّٰهُمَّ صَلِّ

وَسِلِّمْ عَلَىٰ نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَاهُ بِدَعْوَتِهِ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ، أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ

اللّٰهُ، اتَّقُوا اللّٰهَ، أَوْصِيْكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللّٰهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

## SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti menggunakan telefon dan berbual-bual. Tumpukan perhatian pada khutbah yang akan disampaikan, mudah-mudahan kita semua mendapat hidayah dan taufiq dari Allah SWT.

Dengarkan baik-baik khutbah yang akan disampaikan kerana pada hari ini khatib ingin membicarakan khutbah bertajuk: “**Pertolongan Yang Dinanti**”.

Sebelum itu, khatib ingin menyeru kepada saudara-saudara sekalian untuk sentiasa bersiap siaga berikutan ketibaan musim Monsun Timur Laut atau musim tengkujuh yang dijangkakan akan berlaku beberapa siri hujan lebat berterusan. Sentiasa peka dan cakna dengan sebarang pengumuman dan amaran yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Berdoalah kepada Allah SWT agar kita semua dilindungi dan dijauhkan dari sebarang bentuk musibah dan bala bencana yang dahsyat. *Insya-Allah.*

### **SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,**

Peperangan yang berlaku di Palestin sejak 7 Oktober lalu kini masih belum reda dengan jumlah korban kini telah melebihi 10,000 orang. Melihat kepada angka korban ini jelas menunjukkan bahawa perperangan ini merupakan genosid atau *holocaust*<sup>1</sup> yang dilakukan oleh rejim Zionis Israel terhadap rakyat Palestin. Mereka juga berkeras dan enggan melakukan gencatan senjata kerana nafsu serakah mereka yang sedang membuka-buka meratah rakyat Palestin. Oleh itu, teruskanlah membantu dan berdoa buat umat Islam di Palestin. Betapa mereka sangat menantikan doa, bantuan dan sokongan dari kita. Semoga Allah SWT melindungi rakyat Palestin dan menghancurkan rejim Zionis Israel dan sekutu-sekutu yang berlindung di sebalik mereka.

Situasi yang berlaku ketika ini memang sangat-sangat getir dan menguji keimanan dan kesabaran umat Islam di Palestin. Mereka diuji dari segenap sudut. Dalam masa yang sama ia juga memberikan banyak pengajaran kepada kita tentang nilai kehidupan di dunia. Kita belajar tentang kebergantungan dan pengharapan sebenar hanyalah kepada Allah SWT semata-mata dan bukan kepada makhluk. Juga kita belajar tentang tarbiyah yang sangat berkesan diterapkan oleh ibu bapa terhadap anak-anak mereka di Palestin tentang perjuangan melawan musuh-musuh yang cuba menjajah dan merampas tanah air mereka. Dari perperangan ini juga nampak jelas tentang sikap sebenar kaum Yahudi dan Nasrani yang memusuhi Islam. Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 120 yang menjadi mukadimah khutbah tadi bermaksud:

*“Orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak sekali-kali akan bersetuju atau suka kepadamu (wahai Muhammad) sehingga engkau menurut agama mereka (yang telah terpesong itu). Katakanlah (kepada mereka): "Sesungguhnya petunjuk Allah (agama Islam itulah*

---

<sup>1</sup> Pembunuhan besar-besaran secara sistematis – merujuk kepada peristiwa pembunuhan besar-besaran yang dilakukan oleh Tentera Nazi dalam Perang Dunia Kedua.

*petunjuk yang benar". Dan demi sesungguhnya jika engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka sesudah datangnya (wahyu yang memberi) pengetahuan kepadamu (tentang kebenaran), maka tiadalah engkau akan peroleh dari Allah (sesuatupun) yang dapat mengawal dan memberi pertolongan kepada mu".*

Ayat ini merupakan peringatan dan amaran daripada Allah SWT supaya kita tidak terpengaruh dengan orang-orang Yahudi dan Nasrani (Kristian). Mereka sudah menyeleweng dari Kitab Allah dan ajaran Rasul-Rasul yang diutuskan kepada mereka. Mereka tidak akan redha dengan umat Islam bahkan akan berusaha menarik umat Islam menuruti agama mereka.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Kebencian orang-orang Yahudi dan Nasrani terhadap Islam ditunjukkan dengan pelbagai bentuk dan cara. Kita telah melihat tindakan sebahagian ekstremis Barat yang membakar al-Quran, melukis dan menghina Rasulullah SAW, menghina ajaran Islam melalui ucapan dan sebagainya. Tidak cukup dengan itu, mereka cuba menyebarkan dakyah bahawa Islam ajaran yang ekstrem, ganas, menindas wanita, barbarik<sup>2</sup>, keras dan sebagainya. Mereka memberi gambaran yang buruk terhadap ajaran Islam dengan tujuan menakut-nakutkan orang ramai. Inilah Islamofobia atau ketakutan dan kebencian terhadap Islam yang mereka tanamkan sejak sekian lama. Mereka berselindung di sebalik laungan kebebasan bersuara yang tujuannya supaya mereka tidak dipersalahkan dan tidak dikenakan sebarang tindakan.

Hakikat sebenar ajaran Islam ialah sangat cintakan kedamaian. Ajaran Islam bahkan tidak melarang umatnya berbuat baik kepada orang-orang yang tidak memerangi Islam kerana itulah tuntutan berlaku adil yang ditekankan dalam ajaran Islam. Firman Allah SWT dalam Surah al-Mumtahanah ayat 8:

لَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُمْ مِّن دِيْرِكُمْ أَن تَبَرُّو هُمْ  
وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ <sup>٨</sup>

<sup>2</sup> Tidak beradab, bersikap keras, kasar, ganas.

**Maksudnya:** “Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil”. (**Surah al-Mumtahanah ayat 8**)

Hanyasanya Allah SWT melarang umat Islam daripada mengambil orang-orang yang memerangi Islam itu sebagai teman rapat sebagaimana dijelaskan dalam sambungan dari Surah al-Mumtahanah ayat 9:

إِنَّمَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ قَاتَلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَأَخْرَجُوكُمْ مِّن دِيْرِكُمْ وَظَاهَرُوا عَلَىٰ إِخْرَاجِكُمْ أَن تَوَلُّهُمْ وَمَن يَتَوَلَّهُمْ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ۚ

**Maksudnya:** “Sesungguhnya Allah hanyalah melarang kamu daripada menjadikan teman rapat orang-orang yang memerangi kamu kerana agama (kamu), dan mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu, serta membantu (orang lain) untuk mengusir kamu. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjadikan mereka teman rapat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim”. (**Surah al-Mumtahanah ayat 9**)

### SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Justeru, sebagai umat Islam, kita bertanggungjawab dalam usaha memerangi ideologi Islamofobia ini melalui beberapa strategi. Antaranya melalui pendidikan tentang Islam dan pengalaman masyarakat Islam boleh membantu menghilangkan mitos dan salah faham serta menggalakkan pemahaman dan rasa hormat yang lebih besar.

Selain itu, umat Islam juga tidak boleh mencela agama-agama lain dengan mengejek sembah-sembahan mereka kerana ia termasuk larangan yang termaktub dalam firman Allah SWT dalam Surah al-An'am ayat 108:

وَلَا تَسْبُوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَيَسْبُوا اللَّهَ عَدُوًا بِغَيْرِ عِلْمٍ

**Maksudnya:** “Dan janganlah kamu cerca benda-benda yang mereka sembah yang lain dari Allah, kerana mereka kelak, akan mencerca Allah secara melampaui batas dengan ketiadaan pengetahuan”.

Manfaatkan kreativiti yang ada dengan menunjukkan dan menyebarkan keindahan Islam melalui pelbagai medium yang ada pada hari ini. Tunjukkan sikap dan nilai ajaran Islam yang sebenar dengan kita umat Islam terlebih dahulu perlu mengamalkan sikap-sikap dan ajaran Islam yang sebenar melalui percakapan, perbuatan, penulisan dan lain-lain.

Kesimpulannya, adalah penting untuk kita ambil perhatian bahawa menangani Islamofobia memerlukan pendekatan jangka panjang melalui pelbagai aspek melibatkan individu, komuniti dan masyarakat yang lebih luas. Malaysia sebagai sebuah negara umat Islam boleh menjadi model terbaik menerusi tatacara dan urus tadbir negara yang adil dan inklusif sifatnya. Mesej keamanan dan kedamaian perlu sentiasa disebarluaskan untuk menyedarkan masyarakat dunia tentang kesejahteraan yang dibawa oleh Islam.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin membuat beberapa kesimpulan:

**Pertama:** Situasi yang berlaku di Palestin hari ini menunjukkan sikap sebenar orang-orang Yahudi yang memusuhi dan tidak redha kepada Islam dan terus memeranginya sehingga umat Islam mengikut agama mereka.

**Kedua:** Ajaran Islam sangat menekankan konsep keadilan dan kedamaian yang merangkumi layanan baik terhadap semua manusia seligimana mereka tidak memerangi Islam.

**Ketiga:** Umat Islam perlu menunjukkan sikap dan teladan yang baik menurut ajaran Islam sebenar dalam usaha memerangi salah faham terhadap ajaran Islam yang disebarluaskan oleh musuh Islam dan membantu menyebarkan ajaran Islam seluas-luasnya.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Nasr:

إِذَا جَاءَ نَصْرٌ مِّنْ أَنْفُسِكُمْ وَالْفَتْحُ<sup>١</sup> وَرَأَيْتَ النَّاسَ يَدْخُلُونَ فِي دِينِ اللَّهِ أَفْوَاجًا فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ

وَأَسْتَغْفِرُهُ إِنَّهُ وَكَانَ تَوَابًا<sup>٢</sup>

**Maksudnya:** “Apabila datang pertolongan Allah dan kemenangan (semasa engkau wahai Muhammad berjaya menguasai negeri Makkah), - Dan engkau melihat manusia masuk dalam agama Allah beramai-ramai, - Maka ucapkanlah tasbih dengan memuji Tuhanmu dan mintalah ampun kepada-Nya, sesungguhnya Dia amat menerima taubat”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعُنِي وَأَيَاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقْبِلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تَلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءُ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلٰى أَهٰلِ  
 وَاصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ۔  
 أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنْ سَيِّدِنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ۔  
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقًّا تَقْعِيَةً وَاعْلَمُوا أَنَّ اللّٰهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ  
 بِالصَّلٰةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلٰى نَبِيِّ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللّٰهُ تَعَالٰى: إِنَّ اللّٰهَ وَمَلِكُتُهُ وَيُصَلِّونَ عَلٰى  
 النَّبِيِّ يَا يٰيَاهَا أَلَّذِينَ ءامَنُوا صَلَوٰا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيماً ۖ  
 اللَّهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيَتَ عَلٰى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى أَلِّ  
 سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا  
 إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ۔  
 وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنِ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِيِ  
 التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ۔  
 اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءَ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ۔  
 اللَّهُمَّ أَيْدِ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَى وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةَ جَلَالَةَ مَلَكَنَا كِبَاوَهِ دُولِي يَعِيشُ مِنْهَا  
 مُولِيَا سَرِيِّ قُدوَّكَ بِكِينِدا يَعِيشُ دُفْرِتوَانِ اكْنُوَغْ، السُّلْطَانِ عَبْدِ اللّٰهِ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى  
 بِاللّٰهِ شَاهِ بْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللّٰهِ۔  
 وَكَذِلِكَ كِبَاوَهِ دُولِي يَعِيشُ مِنْهَا مُولِيَا سَرِيِّ قُدوَّكَ بِكِينِدا رَاجِ فِرْمَاسِورِيِّ اكْنُوَغْ، تُونِكُو  
 عَزِيزِهِ أَمِينِهِ مِيمُونَهِ إِسْكَنْدَرِيَهِ بَنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكِّلِ عَلٰى اللّٰهِ سُلْطَانِ إِسْكَنْدَرِ  
 الْحَاجِ۔  
 اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوَزَرَاءَهُ وَقُضاَتَهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاَهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ  
 يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ۔

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا آمِنًا مُطْمِئِنًا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمِنٍ وَآمَانٍ،  
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعْرِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِنْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،  
وَأَخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِيْ كَمْتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِالْيَهُودِ الْمُعْتَدِلِينَ، الَّذِينَ قَتَلُوا إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ فِي فَلَسْطِينَ، اللَّهُمَّ عَلَيْكَ  
بِهِمْ، فَإِنَّهُمْ لَا يُعْجِزُونَكَ، اللَّهُمَّ شَتَّ شَمْلَهُمْ وَفَرِقْ جَمْعَهُمْ وَاجْعِلْ الدَّائِرَةَ عَلَيْهِمْ،  
اللَّهُمَّ أَحْصِهِمْ عَدْدًا، وَاقْتُلْهُمْ بَدْدًا، وَلَا تُغَادِرْ مِنْهُمْ أَحَدًا، اللَّهُمَّ أَنْزَلْ عَلَيْهِمْ وَعَلَى مَنْ  
عَاوَنَهُمْ، بَأْسَكَ الَّذِي لَا يُرِدُّ عَنِ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ، اللَّهُمَّ أَرْسِلْ عَلَيْهِمْ طَيْرًا أَبَابِيلَ،  
تَرْمِيهِمْ بِحَجَارَةَ مِنْ سِجِيلٍ، فَعَلَيْهِمْ كَعَصْفَ مَأْكُولٍ.  
اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعِفِينَ فِي فَلَسْطِينَ.

Ya Allah! Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya hanya kepada Engkau kami merayu memohon pertolongan. Ampunilah dosa seluruh kaum Muslimin. Selamatkanlah saudara-saudara kami kaum Muslimin yang ditindas di Palestin dan di mana-mana sahaja mereka berada. Ya Allah! Kasihanilah mereka yang selama ini menjadi mangsa kekejaman Zionis Israel. Keluarkan mereka dari penindasan serta kesempitan yang mereka alami selama ini. Ya Allah! Dengarlah doa dan suara kami ini. Sesungguhnya kami tidak sanggup lagi melihat saudara-saudara kami dibunuh dan diperlakukan dengan kejam oleh Zionis Israel. Satukanlah hati seluruh umat Islam di dunia untuk memerangi kekejaman dan kezaliman Zionis Israel. Hapuskanlah segala kezaliman yang ada di muka bumi ini. Kurniakanlah kekuatan dan kemenangan kepada saudara-saudara kami kaum Muslimin di Palestin. Berikanlah kepada pejuang-pejuang Islam serta rakyat Palestin kekuatan, kesabaran serta kemenangan menghadapi kekejaman musuh. Ya Allah! Kembalikanlah Bumi Palestin ke pangkuhan kaum Muslimin.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَجْعَلُكَ فِي نُحُورِ أَعْدَاءِنَا، وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ شُرُورِهِمْ، اللَّهُمَّ بَدِدْ شَمْلَهُمْ، وَفَرِقْ  
جَمْعَهُمْ وَشَتَّ كَمْتَهُمْ، وَرَزَّلْ أَقْدَامَهُمْ، وَسَلَطْ عَلَيْهِمْ كَلَبًا مِنْ كِلَابِكَ، يَا قَهَّارَ، يَا  
جَبارَ، يَا مُنْتَقِمَ يَا اللَّهُ، اللَّهُمَّ يَا مُنْزَلَ الْكِتَابِ، يَا مُجْرِيِ السَّحَابِ، يَا هَازِمَ الْأَخْزَابِ،  
إِهْزِمْ أَعْدَاءَ الْمُسْلِمِينَ، إِهْزِمْهُمْ! وَانْصُرِ الْمُسْلِمِينَ عَلَيْهِمْ.

اللَّهُمَّ ادْفِعْ عَنَا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفَتَنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بَلَدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالجُنُونِ، وَالجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

رَبَّنَا آتَانَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.  
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمَةِ يَزِيدُكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.